



# Perjalanan SALIB Katolik Malaysia kini bermula!

Liza Magnus

**KOTA KINABALU:** Sejak tahun 2018, Gereja Katolik di Malaysia telah berusaha ke arah impian bersama: menyatukan kesemua sembilan keuskupan untuk meraikan, mendengar, dan berjalan sebagai satu Gereja. Salah satu usaha itu ialah Perjalanan Salib Katolik yang akan mengambil masa selama 18 bulan, bermula April 3, 2025.

Perjalanan Salib merupakan salah satu acara untuk persiapan sebuah konvensyen besar iaitu Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026). MPC2026 ialah sebuah acara besar yang bakal menggabungkan sembilan keuskupan/agung di Malaysia buat pertama kalinya.

Antara dua acara besar sebagai persiapan menuju MPC2026 ialah perhimpunan pastoral wilayah dan *Malaysia Catholic Youth Day* (MCYD) yang buat kali pertama diadakan pada Mac 31-April 6 lalu di Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Pelancaran Salib Katolik Malaysia dilancarkan pada hari keempat MCYD iaitu pada April 3, 2025 di Katedral *Sacred Heart*.

Acara itu dimulakan dengan Upacara Berkat Meriah dan Penghormatan Salib pada pukul 3.00 petang. Pada awal upacara, sembilan Salib tersebut diarak masuk oleh tiga orang perwakilan Keuskupan/Agung.

Para Uskup/agung kemudiannya berdiri

di samping Salib masing-masing dan secara bergilir-gilir, membacakan doa-doa meriah, dimulakan oleh Uskup Agung Simon Poh dan diakhiri oleh Kardinal Sebastian Francis.

Menariknya, setiap Salib itu mempunyai rekaan Bunga Raya, bunga kebangsaan Malaysia. Bunga Raya ialah simbol cinta untuk negara kita, tanda kemerdekaan kita dari pemerintahan asing dan perpaduan di kalangan kaum yang berlainan. Dari sudut rohani, Bunga Raya pada Salib melambangkan kejayaan Tuhan Yesus kita di seluruh dunia dan telah mendamaikan kita kepada Bapa dan menyatukan kita antara satu sama lain dalam Roh Kudus.

Selepas berkat meriah, para uskup, paderi, religius dan peserta MCYD datang ke hadapan Salib untuk berdoa singkat dan penghormatan.

Acara tersebut berlangsung selama dua jam. Kemudian, pada pukul 6.00 petang, para Uskup, paderi, belia dan keluarga angkat mereka merayakan Misa Kudus yang dipimpin oleh Kardinal Sebastian Francis.

“Wahai kaum muda, iman dan kasih kalian terhadap Yesus sungguh luar biasa!” puji Kardinal Sebastian setelah mendapat tahu lebih 1,500 peserta MCYD dan terdapat penyertaan dari negara luar seperti Timor-Leste, Macau, Brunei dan Thailand.

“Apa pun yang berlaku dalam kalangan

kamu sepanjang MCYD ini, melalui Sabda Tuhan hari ini, kita diingatkan untuk tidak mengabaikan pengalaman yang kamu peroleh dalam MCYD. Kamu diutus dengan satu misi yang sama, misi yang diberikan kepada kamu melalui pembaptisan.

Kardinal mengingatkan para belia bahwa misi dalam bentuk Salib Katolik Malaysia tidak boleh tinggal di satu tempat, ia harus bergerak, menjangkau seramai dan sejauh yang boleh.

Dalam kesempatan berjalan bersama Salib Katolik Malaysia, Kardinal Sebastian mengajak belia Katolik Malaysia mempertimbangkan secara serius empat tindakan berikut: membangunkan komuniti kecil di Gereja kita; memperkasa keluarga kita; memperkaya nilai kemasyarakatan dan meningkatkan kesedaran ekologi.

Menurut Uskup Pulau Pinang itu, keempat-empat perkara tersebut — Gereja, Keluarga, Komuniti dan Ekologi adalah anugerah Tuhan yang sangat berharga.

“Sebagai murid misionari yang membawa sukacita Injil, belas kasihan dan harapan khususnya kepada kaum muda, kita dipanggil melalui Salib Katolik Malaysia untuk melangkah dengan yakin, memperkenalkan cinta, belas kasihan dan harapan Tuhan kepada semua orang.”

Kardinal Sebastian memberi petua bagaimana memperkenalkan Yesus kepada orang lain iaitu terlebih dahulu, diri

kita sendiri harus menerima sukacita Injil, menerima belas kasihan dan harapan Roh Kudus.

“Setelah itu, ceritakanlah dan perkenalkanlah pertemuan anda dengan Yesus secara langsung atau menggunakan media sosial kerana ramai yang sedang menantikan kisah iman kamu. Kisah pertemuan kamu dengan Yesus akan membawa kesembuhan dan sukacita,” kata Kardinal Sebastian.

Pada akhir Misa Kudus, sembilan Salib Katolik Malaysia yang dipacak menjadi satu di hadapan altar, diberikan kepada para koordinator Perjalanan Salib Katolik Malaysia keuskupan.

Kardinal Sebastian mengucapkan syabas kepada para koordinator dan pasukan mereka yang akan mempromosi serta membawa Salib Katolik Malaysia itu di keuskupan masing-masing.

Prelatus juga juga memberikan mereka token sederhana iaitu Kad Doa Sta Helena dari Salib.

Sta Helena dari Salib merupakan penaung kepada penemuan-penemuan baharu (*new discoveries*) serta yang dipilih oleh para Uskup Malaysia sebagai santa pelindung bagi aktiviti sepanjang Perjalanan Salib Katolik di sembilan keuskupan/agung.

Pada September 2026, Salib-salib itu akan “disatukan” semula semasa MPC 2026 di Pusat Majodi, Plentong.

Para Uskup Malaysia berharap Perjalanan Salib Katolik 2025-2026 boleh menyatukan semua umat beriman dan para peserta MPC2026 untuk pengalaman penghayatan sejati sinodal.



# Golongan Kristian “pada waktu tengah hari”

Kita selalu mengalami Yesus hari ini di dunia yang kelihatannya terlalu sesak dengan kebimbangan. Di tengah-tengah kebimbangan itu, bagaimana dapat memberikan ruang bagi Yesus?

Penulis kerohanian terkenal Tomas Halik, dalam sebuah buku baru-baru ini berjudul “*The Afternoon of Christianity*” menyatakan, “Memandangkan dunia kurang membuat ruang dan kurang jelas untuk Yesus, kita perlu mencari Dia lebih banyak lagi di tempat-tempat di mana Dia ‘hadir tanpa nama’”.

Halik menasihati, “Marilah kita mencari Dia ‘dengan suaranya’ seperti Maria Magdalena; marilah kita mencari Dia dalam kalangan orang yang tidak dikenali di jalan-jalan seperti murid-murid dalam perjalanan ke Emaus; marilah kita mencari Dia melalui luka-luka di dunia seperti Tomas; Marilah kita mencari Dia setiap kali dia melewati pintu ketakutan yang tertutup; Marilah kita mencari Dia yang membawa hadiah pengampunan dan permulaan baharu.”

Halik menjemput kita untuk memberi sahutan yang lebih baik kepada tanda-tanda zaman, memandangkan kita hidup sekarang dalam apa yang dipanggil, “orang-orang Kristian pada waktu tengah hari sahaja.” Apakah maksudnya ini?

Halik membezakan tiga tempoh dalam sejarah Kristian. Dia melihat “orang Kristian pada waktu pagi” yang merupakan penganut Kristian sebelum 1500 AD, tempoh pra-modern, masa sebelum sekularisasi.

“Orang Kristian pada waktu tengah hari” baginya, adalah masa sekularisasi dan kemodenan, pada dasarnya dari abad ke -19 hingga generasi kita sendiri.

Golongan ini, baginya, merupakan masa kita hari ini, dunia pasca moden, di mana kita menyaksikan banyak perpecahan di dunia. Seperti yang kita tahu, ia memberi

kesan terhadap iman dan agama. Bagi Halik, kesan semua ini adalah bahawa iman Kristian kini telah melampaui bentuk agama sebelumnya.

Wow! Itulah kenyataannya! Walau bagaimanapun, apa yang Halik katakan bukanlah iman yang mati, bahawa Kekristianan sedang mati, atau Gereja-gereja mati. Sebaliknya, baginya, Kristian hari ini kehilangan tempat tinggal budaya tertentu, di mana begitu banyak struktur sosial yang pernah disokongnya dahulu, kini runtuh. Ini menyebabkan iman Kristian kini perlu mencari bentuk baharu, ekspresi baharu, peranan sosial dan budaya baharu.

Dan bagaimana ia akan berubah? Kita tidak tahu. Tetapi inilah firasat Halik: Kekristianan tidak akan hilang identitinya kerana ketakutan atau agama akan hilang atau pupus.

Agama tidak akan hancur ke dalam kerohanian samar-samar, doktrin lemah, tanpa sempadan dan kerohanian yang lebih bersifat peribadi. Sebaliknya, apa yang menamatkan bagi ramai orang Kristian ialah fasa inkubasi Kekristianan masa depan, bukannya harapan dinamisme atau kepelbagaian.

Baginya, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh agama Kristian hari ini menjemput kita untuk membawa iman ke ruang baharu, seperti yang dilakukan oleh Paulus ketika dia membawa agama Kristian keluar daripada lingkungan Yahudi pada zamannya.

Berikut adalah bagaimana Halik menulisnya: “Saya percaya bahawa Kekristianan esok akan berada di atas semua komuniti hermeneutik baharu, bacaan baharu, tafsiran baharu dan lebih mendalam tentang dua sumber wahyu Ilahi, kitab suci dan tradisi, dan terutama daripada ucapan Tuhan dalam tanda-tanda zaman.”

Bagaimana ini semua dapat berlaku?



Itulah tesis buku itu. Bab demi bab membentangkan kemungkinan bagaimana kita mungkin lebih berani membaca tanda-tanda zaman dan bukannya mengurangkan bahan-bahan iman Kristian, biarkan tanda-tanda zaman membawa kita kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang Kitab Suci dan tradisi, agar kita dapat mengumpulkan harmoni yang lebih baik daripada evolusi kosmik dengan Yesus yang dibangkitkan.

Kemudian, mengakui bahawa Kitab Suci dan tradisi Kristian tidak hanya hadir dalam iman dan ibadah Kristian kita, tetapi kedua-duanya juga hadir sedalam evolusi budaya dan masyarakat kita.

Akibatnya, kita perlu mencari Yesus Kristus bukan hanya dalam Kitab Suci kita, Gereja dan pelayanan ibadat kita, kelas katekismus kita, sekolah Minggu dan persekutuan Kristian kita yang eksplisit.

Walaupun sudah tentu kita perlu mencari Yesus di tempat-tempat itu, tetapi seperti Maria Magdalena, kita perlu mengenali suara-Nya yang muncul seperti penjaga tanah perkuburan; Seperti murid-murid yang tidak mengenali-Nya semasa perjala-

nan ke Emaus.

Apabila kita tidak lagi mempunyai jawapan, kita perlu mengenali kehadiran-Nya melalui orang asing yang selalu menyinggung kita; Seperti Tomas yang meragui, kita perlu mengatasi keraguan kita tentang kebangkitan-Nya dengan menyentuh luka-luka-Nya yang selalu mementingkan golongan miskin dan mereka yang menderita.

Seperti komuniti pertama Yesus yang bersembunyi di belakang pintu terkunci kerana ketakutan, kita perlu mengenali Dia pada bila-bila masa, di dalam ketakutan kita, kita mengharapkan sesuatu iaitu kedamaian.

Dan kita perlu mengenali kehadiran-Nya dalam diri kita setiap kali kita menerima pengampunan dan diberi kuasa untuk bermula semula.

Ini bukan masa mati, ini adalah masa kairós, ketika kita dijemput untuk membuka mata kita dengan cara baharu untuk mengenali Kristus yang berjalan bersama kita dalam pelbagai bentuk yang tidak kita kenali atau sedari. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## Menghamparkan kasih kita ke kaki Yesus

Penduduk di Yerusalem dengan penuh semangat dan gembira menyambut Yesus dengan sorak sorai, “Diberkatilah Dia yang datang sebagai Raja dalam nama Tuhan!”

Kemudian, beginilah urutan atau kronologi dalam Injil Lukas apa yang terjadi selepas disambut begitu hangat sebagai Raja:

- Mengadakan sakramen Ekaristi dalam Perjamuan Malam (Luk 22:15-20).
- Percakapan dan pesan Yesus kepada murid-murid-Nya (Luk 22:21-38).
- Tuduhan dan perlakuan kekerasan kepada Yesus di hadapan Mahkamah Agung (Luk 22:63-71). Kemudian di depan Pilatus (Luk 23:1-6)
- Yesus di hadapan Herodes dan dihadapan Pilatus untuk kedua kalinya (Luk 23: 7-16).
- Kata-kata yang disampaikan Yesus kepada perempuan-perempuan yang mengikuti Yesus untuk disalib (Luk 23:27-32).
- Ucapan seorang penjahat yang juga digantung di salib (Luk 23:39-41).
- Kematian Yesus (Luk 23:46, 47b-49).

Daripada kisah dalam Injil Lukas, tampillah tokoh atau figura Yesus sebagai pembawa damai, yang mengatasi permusuhan dan kemarahan orang-orang Yahudi, dan seluruh proses penghakiman atas diri-Nya yang berlawanan dengan hukum.



Yesus tampil sebagai model tokoh rekonsiliasi, pengampunan dosa dan damai.

Di tengah-tengah perjuangan maut dan penghakiman atas diri-Nya itu tetap terlerah kerinduan hati Yesus, yang mahu mendatangkan kesatuan/persatuan. Yesus ternyata mampu membuat Pilatus dan Herodes rukun menjadi sahabat (Luk 23:12).

Tergantung di salib Yesus mengampuni orang-orang yang menganiaya-Nya (Luk 23:34), bahkan ketika menghadapi wafat-Nya Yesus berjanji akan membawa salah seorang penjahat ke Firdaus!

Dalam kisah kesengsaraan Yesus, Sto Lukas mahu menunjukkan kepada kita, bahawa Yesus sungguh tidak bersalah (Luk 23:4.14-15.22).

Yesus adalah korban kekuasaan jahat (Luk 22:3.31.53). Yesus mati untuk memenuhi kehendak Bapa-Nya (Luk 22:42.46).

Lukas menekankan betapa besar kasih, belas kasihan dan daya penyembuhan Yesus (Luk 22:51; 23:43). Yesus tidak berjalan sendirian menuju kematian-Nya, melainkan ditemani oleh orang-orang lain, yang mengikuti Dia memikul salib hidup-Nya! (Luk 23:26-31.49).

Kisah sengsara Lukas memperlihatkan, bahwa palma kemenangan dan salib penderitaan bukanlah suatu pertentangan atau kontradiksi. Di sinilah letak inti sari atau jantung hati misteri, yang diwartakan kepada kita semasa Minggu Suci ini!

Yesus merelakan diri dengan sukarela untuk menderita. Dia bukan dikalahkan

**HARI MINGGU  
PALMA  
(TAHUN C)**

**YESAYA 50:4-7  
FILIPI 2:6-11  
LUKAS 22:14-23:56**

oleh kekuatan-kekuatan apa pun yang lebih perkasa namun Yesus secara sukarela menghadapi salib dan tetapi dalam kematian-Nya, Dia ternyata menang!

Sto Lukas juga memperkenalkan model-model peranan kita sebagai orang yang percaya kepada Yesus contohnya Simon dari Kirene, yang diminta membantu memikul salib Yesus (Luk 23:26).

Figura Simon ini adalah gambaran seorang murid Yesus yang sejati: Simon memikul salib Yesus dan memikulnya dengan “mengikuti Yesus”.

Apa yang dilakukan oleh Simon dari Kirene itu adalah pelaksanaan daripada apa yang dikatakan Yesus sendiri: “Sesiapa yang tidak memikul salibnya, dan mengikuti Aku, dia tidak dapat menjadi murid-Ku” (Luk 14:27).

Marilah kita memasuki minggu suci dengan tekad dalam hati: Bila kita ingin hidup mengikuti jalan Yesus, kita harus mahu dan bersedia menyediakan diri berbuat baik untuk kepentingan orang lain. **Msgr. FX. Hadisumarta O.Carm**

# Keuskupan Sandakan rayakan Misa Krisma

SANDAKAN: Misa Krisma yang biasanya dirayakan pada pagi Khamis Suci, diraikan lebih awal di Keuskupan Sandakan. Pada Mac 27, para paderi dari pelbagai paroki Keuskupan Sandakan berkumpul di Katedral St. Mary untuk meraikan karunia imam dan Ekaristi selepas mesyuarat para paderi.

Uskup Julius yang memimpin Misa Krisma mengatakan bahawa Misa Krisma adalah perayaan khas. "Kita berkumpul untuk memuji dan mengucapkan terima kasih kepada Tuhan atas karunia imam dan Ekaristi, yang berkait

rapat dengan satu sama lain."

Tambahnya lagi, "Semua orang yang dibaptis dapat berkongsi dalam pelayanan Yesus, iaitu mengajar dan berdoa. Pelayanan imam berkaitan dengan orang-orang yang ditahbis.

Mereka berkongsi imam Kristus dengan cara yang istimewa. Hanya para paderi sahaja yang dapat memimpin Ekaristi, kebijaksanaan Ilahi yang diberikan Tuhan kepada Gereja agar pelayanan Kristus dapat diteruskan di dalam Gereja."

Misa Krisma juga menyatakan perpaduan dan persekutuan para

paderi apabila mereka memperbaharui komitmen imam mereka.

Semasa Misa Krisma, Uskup Julius memberkati minyak untuk orang sakit, minyak katekumen dan minyak krisma. Ketiga-tiga minyak ini dibawa ke hadapan altar oleh seminarian Edward Yahan, Ricki Boy Hasim dan Fr Dafrinn Diwol.

Uskup Julius turut menyeru para umat agar menyokong, berdoa untuknya dan semua paderi di Keuskupan Sandakan. Kepada para paderi, prelatus itu mengingatkan bahawa mereka telah dip-



ilih oleh Yesus untuk melayani di ladang-Nya dan bahawa mereka adalah penting untuk rancangan Tuhan.

Uskup Julius menggalakkan para paderi untuk melayani umat

Tuhan, bersukacita dalam pelayanan, menjadi manusia pendoa dan kuat ketika mereka menghadapi cabaran dan berusaha terus mencari kekudusan. Evelyn Jock

## Perhimpunan pastoral Telupid tumpu *Amoris Laetitia*

TELUPID: Sebuah paroki di bawah naungan Keuskupan Sandakan, paroki St Martin, Telupid telah menganjurkan Perhimpunan Pastoral Paroki (PPP) yang berlandaskan dokumen Gereja *Amoris Laetitia*.

Dengan tema "Sukacita Kasih dalam Keluarga", PPP yang dihadiri seramai 472 peserta, menampilkan penceramah jemputan, Fr Dr Peter Abas dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Selepas Misa pembukaan, sesi pertama bertajuk "Gereja Domestik yang Hidup dalam Firman dan Sakramen" menekankan bahawa kesejahteraan keluarga bukan hanya bergantung pada keperluan fizikal, tetapi juga pada kekuatan iman dan kehidupan rohani.

Fr Peter menjelaskan bahawa cinta kasih merupakan nadi kehidupan keluarga. Beliau memetik 1 Korintus 13:4 yang mengingatkan bahawa kasih itu sabar, murah hati dan tidak mementingkan diri sendiri.

Paderi itu menegaskan bahawa banyak keluarga menghadapi krisis akibat kurangnya cinta kasih, ketiadaan sokongan, serta kesukaran untuk saling memaafkan. Oleh itu, beliau mengajak setiap keluarga untuk terus hidup dalam firman Tuhan dan menghayati sakramen dalam kehidupan harian mereka.

Beliau turut mengingatkan bahawa Gereja domestik bukan sekadar tempat berlindung, tetapi juga medan untuk melayani dan menyebarkan kasih Tuhan.

Dalam sebuah perkongsian iman,



Comeswelt, seorang wakil belia, berkongsi pengalaman tentang "Rumah yang Memberi Pengharapan".

Pemuda itu menceritakan tentang perjalanan pelayanan dalam hidupnya serta bagaimana golongan belia dapat mengamalkan nilai-nilai *Amoris Laetitia* dalam kehidupan berkeluarga dan Gereja domestik.

Comeswelt menekankan bahawa keluarga yang berlandaskan kasih Tuhan bukan sahaja menjadi tempat berteduh, tetapi juga wadah untuk membangun karakter, kepercayaan, dan semangat pelayanan.

Seterusnya, dalam sesi kedua bertajuk "Membina Perkahwinan Katolik dengan Kasih Tuhan dan Pengampunan" menekankan kesucian sakramen perkahwinan.

Fr Peter menegaskan bahawa perkahwinan bukan sekadar ikatan fizikal tetapi juga ikrar setia di hadapan Tuhan yang menuntut kesabaran.

Kepentingan perdamaian dalam kehidupan berkeluarga menjadi fokus utama dalam sesi ketiga. Sebelum itu, peserta dalam kumpulan kecil untuk sesi perbualan rohani, berkongsi berkat dan cabaran dalam hubungan kekeluargaan.

Kemudian, semasa sesi perdamaian dan pemberkatan, ibu bapa dan anak-anak saling berpelukan, memohon kemaafan dan berdamai.

Semasa PPP, Komiti Alkitab dan Komiti Kateketikal turut mengadakan sesi khas untuk kanak-kanak.

Pelbagai aktiviti interaktif telah disusun, antaranya melukis bertema "Keluarga Bahagia dalam Kasih Tuhan", menulis kad ucapan kasih buat ibu bapa, mencipta doa kreatif, serta bermain permainan *Mix & Match* dan Cari Perkataan serta tayangan video "Anak yang Hilang".

Semua aktiviti itu bermatlamat membentuk nilai rohani, kreativiti dan kasih dalam diri kanak-kanak.



## Meneguhkan keluarga melalui program kehidupan Kristian

TATAL, KENINGAU: Seramai 33 pasangan suami isteri Pelayan Keluarga Tatal telah berjaya menyelesaikan Program Kehidupan Kristian (*Christian Life Program CLP*) yang dianjurkan oleh CFC *Interior Katedral St Francis Xavier*, baru-baru ini.

Program ini diadakan di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal, bagi membantu pasangan memperkukuhkan iman dan perkahwinan mereka.

Misa pembukaan disempurnakan oleh Bapa Uskup Cornelius Piong. Dalam homilinya, Bapa Uskup menekankan bahawa keluarga adalah asas Gereja dan masyarakat.

Oleh itu, suami isteri perlu sentiasa mengingat dan setia kepada rencana serta kehendak Tuhan dalam perkahwinan mereka.

Program yang diadakan sempena musim Pra-Paskah itu mengingatkan para peserta bahawa Pra-Paskah adalah kesempatan berharga untuk umat

Tuhan menilai, memperbaharui dan memperkukuhkan kesetiaan kepada-Nya.

Sepanjang program ini, peserta yang mengikuti lapan sesi ceramah yang memberi panduan dalam menjalani kehidupan Kristian.

Program itu diakhiri dengan perayaan Hari Tuhan (*Lord's Day*) serta penyampaian sijil kepada semua peserta yang telah menamatkan CLP dengan jayanya. CLP pada tahun ini merupakan siri keempat sejak diperkenalkan di Keuskupan Keningau pada tahun 2022.

Selepas menyertai CLP, peserta yang telah melafazkan dedikasi dalam komuniti CFC akan terus dibimbing melalui sesi pembentukan yang berterusan bagi memperkukuhkan iman dan kehidupan berkeluarga mereka.

Program ini telah membawa banyak manfaat kepada pasangan suami isteri dalam memperkuat iman serta membina rumah tangga yang berlandaskan ajaran Kristus. Melty Paulus

## Hari Tentera Darat disambut dengan perayaan Ekaristi

PORT DICKSON: Bersempena sambutan Hari Ulang Tahun Tentera Darat ke-92, Rejimen Ke-2 Kor Armor Diraja dan dibantu oleh Kerasulan Umat Bahasa Malaysia telah menganjurkan Misa di Gereja *Immaculate Conception*, Port Dickson.

Misa tersebut dipimpin oleh Fr Edwin Peter. Perayaan Ekaristi itu bertujuan untuk memohon

keberkatan, keselamatan dan kesejahteraan buat seluruh warga Tentera Darat Malaysia (TDM).

Sambutan Hari Tentera Darat ke-92 ini bukan sahaja diraikan dengan perbarisan dan aktiviti kententeraan, tetapi juga dengan acara keagamaan seperti Misa Kudus, dan doa selamat yang dianjurkan oleh pelbagai unit di seluruh negeri.



# Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Pada hari Minggu ini, kita merayakan Hari Minggu Palma.

Pada hari Minggu Palma, kita berarak sambil memegang daun palma. Daun palma yang kita pegang itu, dilambaikan sambil menyanyikan lagu-lagu yang mengenang sorak-sorai khalayak

ramai menyambut kedatangan Yesus di atas seekor keldai, ketika memasuki kota Yerusalem sebagai raja damai.

Hari Minggu Palma juga menandakan kita akan memasuki minggu suci. Semasa Hari Minggu Palma, kita memuliakan dan bersorak sorai akan kedatangan Yesus.

Tetapi pada minggu suci, kita

akan perhatikan bahawa Yesus melalui tempoh-tempoh yang sukar iaitu pengkhianatan, kesedihan, dibicarakan secara tidak adil, disiksa, disalibkan dan wafat di atas kayu salib.

Semua ini dilalui oleh Yesus kerana mahu menebus dosa-dosa kita. Dan pada hari Minggu Paskah, kematian dan kesengsaraan Yesus tidak sia-

sia kerana Dia bangkit serta mengalahkan maut!


Adik-adik, mari kita mengangkat daun palma, memuji dan memuliakan Yesus sebagai raja damai. Dia amat mengasihi kita sehingga sanggup sengsara, mati dan bangkit semula dari alam maut!

Salam Sayang  
Antie Melly


Pada hari Khamis Suci, Yesus telah menubuhkan Ekaristi. Gunting mengikut garisan putus-putus pada gambar di bawah. Kemudian, ajaklah keluarga atau rakan-rakan untuk bermain "susun gambar".



**Cari benda-benda yang tersembunyi pada gambar di bawah:**  
rantai basikal, pensil, buku, magnet, garpu, kaca, ikan, rama-rama, sekop, kanu



Lengkapkan gambar di bawah dan jangan lupa mewarnakannya.



Doa untuk Yesus di kayu salib....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Amin.

Pada hari Jumaat Agung, mari mengenang pengorbanan dan kesengsaraan Yesus. Tuliskan doa adik-adik yang ikhlas untuk Yesus yang amat mengasihi kita. Adik-adik juga boleh menulis doa "Bapa Kami" pada ruangan yang disediakan di atas.

# BELIA

## Kaum muda berdoa "24 jam" untuk perdamaian

SEOUL: Jawatankuasa Penganjur Hari Belia Dunia (WYD) Seoul 2027 mengadakan Vigil Doa Pra-Paskah pada Mac 28 di Katedral Myeongdong.

Ratusan kaum muda menyertai acara yang dinamakan "24 Jam untuk Tuhan" sebagai sahutan kepada Sri Paus Fransiskus untuk merayakan Tahun Jubli 2025 melalui karya-karya rahmat, terutama Sakramen Perdamaian.

Dari pukul 7:00 pagi hingga 9:30 pagi, Katedral dan kawasan sekitarnya menjadi ruang doa bagi belia dari seluruh Keuskupan Agung Seoul.

"Pada sebelah malam, kita menyahut jemputan Sri Paus sebagai penziarah harapan, men-

cari rahmat Tuhan dan sebagai persiapan sambutan Hari Belia Sedunia 2027," kata Uskup Paul Kyung-Sang Lee semasa pembukaan vigil.

Vigil itu mengambil tema yang dipetik dari Mazmur 71:5, "Engkau adalah harapanku, ya Tuhan, kepercayaanku, sejak masa muda, ya Tuhan."

Prelatus itu menggalakkan para belia agar mempercayakan diri mereka untuk diperbaharui oleh Tuhan khususnya melalui rahmat sakramen-sakramen.

Vigil bermula dengan refleksi senyap di dalam katedral, di mana para peserta khusyuk dalam bacaan meditasi dan doa.

Kemudian, bahagian kedua pe-

tang dibuka dengan Sakramen Perdamaian. Di bahagian akhir program itu, para peserta memasukkan pencungkil gigi ke dalam mahkota duri sebagai tanda simbolik pertaubatan yang mewakili luka yang disebabkan oleh dosa. Tindakan itu merupakan ungkapan visual penyesalan dan keinginan untuk pembaharuan.

Acara "24 Jam untuk Tuhan" itu diakhiri dengan Adorasi Sakramen Mahakudus. Komite Penganjur Tempatan (LOT) untuk WYD 2027 mengatakan vigil itu merupakan jemputan bagi kaum muda untuk berdamai dengan Tuhan, dengan diri sendiri dan dengan mereka yang masih belum mengenal Kristus. **LICAS News**

## Santo milenial, Carlo Acutis dikanonisasi April 27 ini

VATIKAN: Kanonisasi Carlo Acutis akan berlangsung pada April 27, 2025.

Carlo seorang remaja Itali yang mahir dalam pemrograman komputer, meninggal dunia akibat barah pada tahun 2006.

Beliau terkenal kerana pengabdian yang besar kepada kehadiran nyata Yesus dalam Ekaristi.

Sebelumnya, Sri Paus Fransiskus pada November 20, 2024 telah mengumumkan bahawa Carlo Acutis dan Pier Giorgio Frassati, akan dikanonisasi semasa Tahun Jubli yang didedikasikan untuk kaum muda.

Kedua-dua orang kudus ini adalah pemuda Katolik yang

dicintai kerana iman mereka yang kuat, dan kesaksian mereka akan kekudusan.

Lahir pada tahun 1991, Carlo adalah milenial pertama yang dibeatifikasi oleh Gereja Katolik.

Tidak lama setelah komuni pertamanya ketika berusia tujuh tahun, Carlo memberitahu ibunya: "Untuk selalu bersatu dengan Yesus: Ini adalah rencana hidupku" iaitu berusaha menghadiri Misa harian di Gereja yang terletak di seberang jalan dari sekolah rendahnya di Milan.

Carlo juga pernah menyebut Ekaristi sebagai, "jalan raya saya menuju syurga". Kesaksiannya mengilhami ibu bapanya untuk kembali menjalankan iman Katolik! AES

# Belia pelbagai negeri, bersaksi iman di Perhimpunan Belia Katolik Malaysia 2025!

KOTA KINABALU: Buat julung kalinya, semua belia Katolik Malaysia berhimpun dalam Hari Belia Katolik Malaysia (MCYD) dari Mac 31 hingga April 6 di Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Perhimpunan Kebangsaan Katolik Malaysia yang pertama itu dianjurkan bagi mendengar suara orang muda dan untuk mengetahui keperluan mereka sebagai *the NOW of God*.

Perhimpunan ini adalah usaha kolektif Katolik Malaysia muda, yang diketuai oleh Jawatankuasa Pelayanan Belia Katolik Malaysia (MCYMC) dan uskup untuk orang muda, Uskup Agung Simon Poh.

Melalui Perhimpunan ini, anak-anak muda Katolik Malaysia berusaha untuk berjalan dengan persekutuan dengan Gereja Katolik Malaysia yang lebih besar iaitu Perhimpunan

Pastoral Malaysia (MPC) 2026.

Bahagian pertama MCYD adalah pada April 1-2 iaitu Perbualan dalam Roh (CIS) dalam kumpulan kecil dan Perkongsian dari CIS dalam kumpulan besar.

Bahagian kedua MCYD, April 3-5 adalah sesi-sesi yang merangkumi perayaan-perayaan belia di pelbagai bidang sukan, muzik dan aktiviti bersama uskup, malam kebudayaan, panggilan melayani dalam Kerasulan Belia, laporan Sinode tentang Sinodal dan laporan Sintesis.

Pasukan penganjur juga teruja meraikan golongan muda dengan semua umat Keuskupan Keuskupan Kota Kinabalu semasa Jalan Salib April 4 dan Misa Kudus Pengutusan pada April 5, 2025.

**Lagi berita dan perkongsian pada keluaran akan datang.**



Misa Kudus pembukaan MCYD di Katedral Sacred Heart (PI) bersama Uskup Agung John Wong (KK), Uskup Agung Simon Poh (Kuching) dan Uskup Agung Julian Leow (KL).



Para paderi dari Semenanjung dan Sarawak, teruja memberi pelayanan sakramen, mempromosi panggilan dan berjalan bersama, belia sepanjang MCYD 2025.



Pada hari pendaftaran MCYD, Uskup Agung John Wong turun padang ke Holy Nativity, Terawi (P2), untuk memberi semangat kepada para petugas dan sukarelawan.



Welcoming Mass & Welcoming Night di St Michael Penampang.



Sesi Perbualan Dalam Roh: Keluarga dan Gereja pada hari kedua.

## Gempa bumi: Uskup di Asia bantu Myanmar dan Thailand



SEOUL: Berikutan gempa bumi yang kuat yang melanda Myanmar dan sebahagian Thailand, pemimpin Katolik di Asia menyatakan kesedihan dan perpaduan, menjanjikan bantuan dan sokongan rohani kepada masyarakat yang terjejas.

Uskup Agung Chung Soon-Taick dari Seoul menyampaikan ucapan takziah yang paling mendalam dalam satu kenyataan sehari selepas gempa bumi 7.7 magnitud yang menghancurkan bandar-bandar di Myanmar.

“Saya menyampaikan ucapan takziah yang paling mendalam kepada rakyat Myanmar, yang sudah pasti berasa takut dan sedih selepas kehilangan orang tersayang dan rumah mereka dalam sekelip mata,” kata Uskup Agung Chung.

Tambahnya lagi, “Saya berdoa agar Tuhan dapat menyembuhkan orang-orang yang cedera dan harapan bersinar kembali selepas bencana ini.”

Memberikan bantuan material dan sokongan rohani, Uskup Agung Chung mengesahkan komitmen Gereja untuk berdiri dalam perpaduan dengan rakyat Myanmar ketika mereka mengalami penderitaan dan kehilangan yang disebabkan oleh bencana itu. Beliau menyatakan harapan bahawa sumbangan Gereja, meskipun sederhana, akan menawarkan keselesaan dan membantu mangsa mencari kekuatan untuk pulih.

Uskup Agung memberi jaminan bahawa doa-doa yang berterusan bagi mereka yang terjejas serta responden pertama dan pasukan kemanusiaan antarabangsa.

“Bersama-sama dengan semua anggota Gereja kami, kami akan berdoa untuk rakyat Myanmar. Kami juga berdoa untuk keselamatan banyak sukarelawan antarabangsa dan pekerja penyelamat yang menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan di tengah-tengah gempa susulan dan kekurangan peralatan,” katanya.

Sebagai sebahagian daripada tindak balas kecemasannya, Keuskupan Agung Seoul mengumumkan koleksi kedua khas yang akan diadakan pada hari Minggu Paskah, April 20, di semua paroki.

## Cinta adalah menyatukan bukan memisahkan

ROMA: Setelah dibenarkan keluar dari Hospital *Gemelli* Roma dan sebelum kembali ke Vatikan, Sri Paus Fransiskus sempat menyapa para uskup dan umat dari Keuskupan Agung Napoli yang sedang melakukan ziarah Tahun Suci mereka.

Lebih dari 12,000 penziarah berkumpul di Dataran Sto Petrus untuk merayakan Misa bersama Kardinal Domenico Battaglia, Uskup Agung Napoli.

Sebelum Misa, Kardinal Battaglia membacakan pesan bertulis Sri Paus, yang menyapa semua yang hadir, termasuk para penziarah dari beberapa keuskupan lain di Itali.

Ziarah tersebut juga merayakan peringatan 10 tahun kunjungan pertama Sri Paus Fransiskus ke Napoli dan Pompeii pada Mac 21, 2015.

Kehadiran beberapa keuskupan menandai Tahun Harapan dengan berziarah ke Roma mengungkapkan “persatuan yang menyatukan anda sebagai komuniti dalam sekitar para paderi dan uskup,” kata pesan Sri Paus,

## Petrus To Rot, santo pertama dari Papua New Guinea

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus telah menyetujui kanonisasi Beato Petrus To Rot, seorang awam Katolik dari Papua New Guinea (PNG) yang menjadi martir kerana iman.

Proses kanonisasi ini menjadikan Petrus To Rot sebagai orang kudus pertama dari negara majoriti Kristian di Oseania.

Sri Paus Fransiskus, yang baru-baru ini keluar dari rumah sakit setelah menjalani perawatan selama beberapa pekan, menyetujui kanonisasi Rot pada Mac 28, kata pejabat akhbar Vatikan pada Mac 31 lalu.

Kanonisasi ini terjadi sekitar enam bulan selepas Sri Paus Fransiskus mengunjungi negara Pasifik tersebut sebagai sebahagian dari perjalanan terpanjang kepausannya, yang juga meliputi empat negara Asia, termasuk Indonesia, Timor-Leste dan Singapura.

Sri Paus Fransiskus juga menyetujui tiga orang kudus baharu, seorang beato baharu, serta seorang dalam tahap yang dihormati, kata Vatikan.

Sri Paus Sto Yohanes Paulus II membatifikasi Beato Peter To Rot pada Januari 17, 1995, di Port Moresby, ibu kota PNG, ketika kunjungannya ke negara tersebut.

Rot lahir tahun 1912 di Rakunai oleh pasangan Angelo To Puia dan Maria la Tumul. Pada tahun 1930, pada usia 18 tahun, Rot mendaftarkan diri di Sekolah Mision Sto Paulus untuk dididik sebagai katekis.

Beliau menyelesaikan pengajiannya dan memperoleh gelar sarjana katekis pada tahun 1933.

Ini memberinya peluang untuk bekerja sama dengan para misionari dalam menyebarkan Injil kepada masyarakat di daerahnya.

Rot ditugaskan ke sebuah mision di kota kelahirannya Rakunai sebagai seorang katekis.

Di sana, Rot menyelenggarakan katekesis di desa tersebut, mengumpulkan kumpulan-kumpulan besar dan kecil untuk mendapatkan pengajaran dan doa serta mengenal situasi kehidupan nyata masyarakat.

Rot berkahwin dengan Paula la Varpit dari desa berhampiran pada November 11, 1936, dan memiliki tiga orang anak.

Pada tahun 1942, setelah pasukan Jepun



yang diterbitkan oleh Vatikan.

Berjalan melalui Pintu Suci sebagai sebahagian dari aktiviti ziarah mereka juga menunjukkan “komitmen mereka untuk menerima undangan Yesus untuk masuk ‘melalui gerbang sempit’,” kata teks tersebut.

“Cinta itu seperti ini: cinta mempersatukan dan membuat kita bertumbuh bersama. Itulah sebabnya, meskipun jalan kalian berbeza namun cinta telah membawa kalian bersama ke sini di makam Petrus.

“Dan melalui semua aktiviti dan ziarah ini, anda pasti semakin teguh dalam iman dan lebih bersatu dalam cinta,” tulis Sri Paus.

*Sri Paus Fransiskus saat menyapa orang-orang yang berkumpul di hadapan Hospital Gemelli. (Foto: Media Vatikan)*

Bapa Suci Fransiskus juga menulis bahawa beliau “sangat merasakan sokongan kedekatan kalian, terutama melalui doa-doa yang kalian panjatkan bersama saya.”

“Meskipun saya tidak hadir secara fizikal bersama kalian, saya mengungkapkan kepada kalian sukacita besar saya apabila saya mengetahui anda bersatu dengan saya dan di antara kalian sendiri di dalam Tuhan Yesus, sebagai Gereja,” kata pesan itu. **Media Vatikan**

## Vatikan terbit jadual minggu suci Sri Paus

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus melanjutkan untuk berehat di kediamannya selepas dibenarkan keluar dari hospital. Namun, Vatikan tetap menerbitkan jadual liturgi Sri Paus untuk Minggu Suci dan Paskah tanpa menyebutkan siapa yang akan memimpin atau menjadi selebrasi utama.

Senarai Misa dan liturgi lainnya, yang diterbitkan oleh pemimpin upacara liturgi kepausan belum lama ini, hanya menyebutkan bahawa Misa akan dipimpin oleh “Penaung Keпаusan,” iaitu para kardinal yang tinggal di Roma, dan pegawai tinggi Vatikan.

Ketika ditanya tentang peranan Sri Paus Fransiskus dalam perayaan tersebut, pejabat akhbar Vatikan menjawab bahawa “terlebih dahulu perlu melihat keadaan kesihatan Sri Paus dalam menghadiri upacara sepanjang Minggu Suci.”

Sri Paus berusia 88 tahun itu, dibenarkan keluar dari Hospital *Gemelli* Roma pada Mac 23, setelah dirawat selama 38 hari kerana masalah pernafasan, jangkitan dan pneumonia ganda. Doktornya menyarankan Bapa Suci untuk beristirahat selama dua bulan.

Jadual liturgi yang diterbitkan bermula dari perayaan Minggu Palma pada April 13 hingga perayaan Minggu Kerahiman Ilahi pada April 27 serta kanonisasi Beato Carlo Acutis, sebuah acara sempena Tahun Jubli Remaja.

Berikut ini adalah jadual liturgi yang diterbitkan oleh Vatikan:

— April 17, Misa Krisma pukul 09:30 pagi di Basilika Santo Petrus.

— April 18, pukul 5.00 petang, Liturgi Sengsara Tuhan di Basilika Santo Petrus.

— April 18, pukul 9.15 malam, Jalan Salib di Koloseum Roma.

— April 19, pukul 7.30 petang, Misa Malam Paskah di Basilika Santo Petrus.

— April 20, pukul 10.30 pagi, Misa Paskah di Dataran Santo Petrus.

— April 27, pukul 10.30 malam, Misa Minggu Kerahiman Ilahi dan kanonisasi Beato Carlo Acutis di Dataran Sto Petrus. **Media Vatikan**



*Sri Paus Fransiskus menerima gambar Beato Petrus To Rot di Port Moresby semasa berkunjung ke PNG pada September 2024. (Foto: Media Vatikan).*

menduduki PNG, semua misionari dan kakitangan mision dipenjarakan di kem maut.

Ketiadaan para misionari menyebabkan Rot seorang diri melanjutkan usaha penginjilan secara diam-diam.

Beliau memberikan pelayanan doa mengajar agama, membahagikan komuni kepada orang sakit serta membantu orang miskin.

Jepun melarang upacara-upacara keagamaan Kristian dan semua jenis pertemuan keagamaan.

Rot dengan tegas menentang hal ini dan tidak takut menentang abangnya yang mahu berkahwin isteri kedua pada ketika itu.

Dia ditangkap tahun 1945 setelah abangnya melaporkan perkara ini kepada pihak polis.

Rot dilaporkan dihukum bunuh dengan cara suntikan yang membawa maut oleh seorang doktor Jepun.

Ribuan orang menghadiri pemakamannya, dan ramai yang menyebutnya sebagai martir. **CNA**

AUDIENS HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

# Enggan berputus asa seperti Zakeus

VATIKAN: Ketika Sri Paus Fransiskus sedang berehat untuk pulih di kediamannya di Casa Santa Marta setelah dibenarkan keluar dari Hospital Gemelli Roma pada Mac 23, prelatus itu meminta umat agar tidak pernah kehilangan harapan.

Bapa Suci menyediakan teks untuk dibacakan kepada umat umum hari Rabu. Beliau meminta pejabat akhbar Takhta Suci untuk menerbitkannya.

Sejak pasukan perubatannya membenarkan Sri Paus kembali ke kediamannya, mereka mengesyorkan dua bulan rehat untuk pemulihan yang betul dan pejabat akhbar terus mengedarkan katekesis yang disediakan bagi umat awam, seperti yang dilakukan semasa dimasukkan ke hospital.

## Sesat Jalan

Dalam katekesisnya, Sri Paus Fransiskus memberi tumpuan kepada pertemuan Yesus dan Zakeus, si pemungut cukai seperti yang ditulis dalam Injil Lukas.

Zakeus, menurut Sri Paus, “telah kehilangan jalannya”. Mungkin dia membuat pilihan yang salah, atau mungkin hidup telah meletakkan Zakeus dalam situasi yang dia berjuang untuk melarikan diri. Dia juga digambarkan seolah-olah mendapat kejayaan dengan mengorbankan orang lain.

## Enggan berputus asa

Apabila Zakeus mendengar bahawa Yesus akan melalui kota itu, Zakeus mempunyai keinginan besar untuk melihatnya. Walaupun terdapat batasan dan didorong oleh rasa ingin tahunya yang besar, Zakeus enggan berputus asa.

“Dalam mencari penyelesaian, ia memerlukan keberanian dan kesediaan untuk mengabaikan konvensyen sosial, menjadi rendah hati seperti seorang kanak-



kanak dan tidak terlalu bimbang menjaga imej atau status sosial,” tulis Sri Paus Fransiskus.

“Inilah yang dilakukan oleh Zakeus, seperti kanak-kanak dia memanjat pokok. Demi Tuhan, dia meneruskan niatnya. Namun apa yang tidak dijangka selalu berlaku: Yesus, setelah sampai ke tempat itu, melihat ke atas. Zakeus berasa dirinya tidak dapat bersembunyi lagi dan mungkin menyangka Yesus juga akan menolaknya.”

“Ramai orang yang tidak menyukai Zakeus berharap Yesus menolak Zakeus tetapi itu tidak terjadi. Sebaliknya Yesus meminta Zakeus turun dari pokok dan berkata, ‘Hari ini saya mesti tinggal di rumah anda!’”

## Tuhan mencari yang hilang

“Tuhan tidak akan terlepas memandangi dan mencari umat-Nya yang hilang,” jelas Sri Paus. Injil Lukas menonjolkan kegembiraan dalam hati Zakeus.

Pertemuan Yesus dan Zakeus ialah peristiwa sukacita. “Orang yang berasa dilihat, diiktiraf dan paling penting diampuni meru-

pakan satu kebahagiaan besar bagi Zakeus.

Pandangan Yesus terhadap Zakeus bukan hukuman sebaliknya belas kasihan. Ini adalah satu rahmat yang kadang-kadang kita sukar untuk terima khususnya apabila Tuhan memaafkan orang-orang yang kita fikir tidak layak.”

## Resolusi konkrit dan permulaan baharu

Zakeus bukan hanya seorang lelaki yang keinginan tetapi juga orang yang mengambil langkah-langkah konkrit.

Resolusinya tidak samar-samar atau abstrak, ia bermula dari sejarahnya sendiri: dia memeriksa hidupnya dan mengenal pasti titik dari mana untuk berubah.

Dalam konteks ini, Sri Paus menggesa, “Marilah kita belajar dari Zakeus untuk tidak kehilangan harapan, walaupun kita berasa terpinggir atau tidak dapat berubah.”

Bapa Suci mengundang semua untuk melihat Yesus dan membiarkan diri kita “dijumpai” oleh belas kasihan Tuhan, “yang selalu datang untuk mencari kita, tidak kira di mana kita telah lama tidak mencari Tuhan atau sesat.” **Media Vatikan**

Hari Minggu Palma merupakan peringatan liturgi Gereja Katolik yang jatuh pada hari minggu sebelum perayaan Paskah.

Hari Minggu Palma menandakan permulaan minggu suci menjelang hari peringatan kebangkitan Yesus. Peringatan ini menjadi momen penting untuk mengenang kesengsaraan Yesus, bermula dengan perarakan Yesus menuju Yerusalem.

Peringatan minggu palma juga memiliki pelbagai makna yang penting. Melalui pelbagai sumber Katolik, berikut merupakan 8 makna penting hari Minggu Palma Katolik:

### 1. Kesucian Bersorak-sorai untuk Rumah Tuhan

Hari Minggu Palma memiliki makna kesucian bersorak-sorai untuk Tuhan. Sebab Yerusalem adalah kota yang suci. Orang yang telah menerima Yesus harusnya bersukacita menantikan serta menyambut kedatangan-Nya.

### 2. Menyambut Yesus

Di Gereja, ketika perayaan Hari Minggu Palma, umat membawa daun atau ranting palma. Ini menandakan bahawa jemaat hadir menyambut Yesus yang masuk ke Yerusalem. Daun palma yang telah digunakan dan diberkati, akan dibakar untuk dipakai pada perayaan Rabu Abu pada tahun berikutnya.

### 3. Memulakan Ibadat

Awal Misa atau Ibadat Sabda, umat mengangkat daun palma sambil menyanyikan pujian dalam perarakan, mengenang kembali kemuliaan dan kegemilangan semasa



## Lapan makna Hari Minggu Palma bagi Katolik

Yesus memasuki kota Yerusalem.

### 4. Simbol Kemenangan

Daun palma pada zaman Romawi adalah simbol kemenangan martir, maka daun palma memberi makna pada Hari Minggu Palma bahawa Yesus menang atas maut.

### 5. Suasana Baharu

Warna hijau pada daun palma juga seiring dengan warna musim bunga. Yesus datang memberikan keselamatan, suasana baharu, sukacita untuk mengganti dosa dan duka.

### 6. Membawa Perdamaian

Yesus masuk ke Yerusalem dengan menggunakan keldai, haiwan yang dianggap sebagai lambang perdamaian. Maknanya, pada Hari Minggu Palma, Yesus datang membawa perdamaian bagi seluruh dun-

ia. Jika keldai dianggap simbol perdamaian, maka kuda menjadi simbol peperangan.

### 7. Mengingat Kesengsaraan Yesus

Hari Minggu Palma tidak hanya mengingatkan kita akan proses masuknya Yesus ke Yerusalem, melainkan juga mengingatkan kita akan kesengsaraan Yesus. Umat akan diingatkan bahawa setelah dialu-alukan, ada proses sengsara yang ditempuhi oleh Yesus semasa minggu suci.

### 8. Berhasil Mengalahkan Maut

Pada perayaan Hari Minggu Palma, teks bacaan Alkitab iaitu tentang kisah sengsara Yesus adalah sama dengan pembacaan yang dibaca pada Jumaat Agung, yang menekankan Dia berjaya mengalahkan maut dan dosa. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

## Doa kegemaran kita

Dua puluh tahun telah berlalu sejak petang Sabtu, April 1, 2005, ketika berjuta-juta orang di seluruh dunia meratapi kematian Sto Yohanes Paulus II. Dua dekad kemudian, beliau diingati sebagai pembela kehidupan yang hebat, martabat manusia dan pejuang kebebasan beragama lebih-lebih lagi desakannya terhadap komunisme. Pada awal kepausannya, Sto Yohanes Paulus II memberitahu semua orang bahawa rosari merupakan doa kegemarannya.

Sebelumnya, jarang seorang Bapa Suci mengungkapkan kegemaran peribadi, termasuk saat berdoa. Namun, Sto Yohanes Paulus II tidak takut untuk mengungkapkan jenis doa kesukaannya.

Dalam pesan Angelus kedua dari kepausannya pada tahun 1978, Sto Yohanes Paulus II berkata dengan jelas, “Rosari adalah doa kegemaran saya. Doa yang luar biasa! Luar biasa dalam kesederhanaan dan kedalamannya.”

Sto Yohanes Paulus II menegaskan pernyataan ini dalam Surat Apostoliknya, *Rosarium Virginis Mariae* pada tahun 2002, menunjukkan bagaimana doa rosari menguatkan aspek kehidupan spiritualnya pada awal kepausannya dan bagaimana doa rosari terus menghiburnya pada saat-saat baik dan buruk.

“Rosari telah menemani saya pada masa sukacita dan pada masa sukar. Saya selalu mempercayai beberapa masalah dan melalui doa rosari, saya selalu menemukan kedamaian. Dua puluh empat tahun yang lalu, pada Oktober 29, 1978, hampir dua minggu setelah pemilihan saya menjadi penerus Takhta Petrus, saya dengan jujur mengakui: “Rosari adalah doa kegemaran saya.”

Oleh sebab itu, bagi kita Katolik yang ingin mengetahui semua alasan mengapa Sto Yohanes Paulus II menyukai doa rosari kita perlu membaca *Rosarium Virginis Mariae*. Ia berisi studi mendalam tentang rosari dan banyak alasan mengapa Sri Paus dari Poland itu menyukainya.

Sri Paus Sto Yohanes Paulus II juga memilih untuk membawa patung *Our Lady of Fatima* ke Dataran Sto Petrus. Ketika itu beliau menyeru kepada dunia untuk berdoa bagi keamanan.

Saya percaya, melalui ketaatannya berdoa rosari, Sto Yohanes Paulus II mempunyai sebab untuk mengingatkan dunia bahaya peperangan. Buktinya selepas setahun prelatus itu meletakkan patung Santa Perawan dari Fatima di Dataran Sto Petrus, tragedi September 11 tercetus!

Sto Yohanes Paulus II juga menulis salah satu alasan utama mengapa beliau menyukainya bahawa rosari adalah jalan kontemplasi terbaik.

“Alasan paling penting yang mendorong praktik doa rosari adalah kerana doa itu merupakan sarana yang paling efektif untuk membina umat beriman dan ia merupakan latihan rohani yang sejati. Doa rosari adalah antara tradisi kontemplasi Kristian yang terbaik dan paling terpuji.”

Bagi Sto Yohanes Paulus II, rosari tidak hanya menyediakan cara untuk merenungkan misteri Injil, tetapi juga memandangi Maria, yang diyakininya sebagai “model kontemplasi.”

Sto Yohanes Paulus II melakukan semua yang dia boleh untuk mempromosikan doa rosari sepanjang masa kepausannya, berbahagi dengan dunia kesan doa rosari pada hidupnya serta berharap doa itu dapat membantu kita dalam perjalanan spiritual kita sendiri.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.**  
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my)

atau  
WhatsApp: 011-26391498



## Pengiktirafan untuk wirawati perang dunia II Malaysia

PULAU PINANG: Sempena Hari Wanita Antarabangsa pada Mac 8, Kedutaan Malaysia di Paris merayakan warisan Sybil Medan Kathigasu (1899-1948), seorang wirawati Perang Dunia II.

Tuan Yang Terutama Datuk Eldeen Husaini Mohd Hashim, Duta Besar Malaysia ke Perancis, menyampaikan kata-kata tentang memoir “No Dram of Mercy” (1954) yang telah mendapat pengiktirafan global dengan terjemahan ke bahasa Perancis baru-baru ini.

Memoir itu juga telah diterjemahkan dalam bahasa Mandarin, Tamil dan Jepun. Pada tahun ini juga, terjemahan Bahasa Melayu juga telah selesai. Sybil Kathigasu adalah se-

orang wirawati sejati, terkenal dengan keberaniannya semasa pendudukan Jepun di Malaya. Ketahanan dan pengorbanannya menyebabkannya menjadi satu-satunya wanita Malaysia yang dianugerahkan Pingat *George Crown British* di Istana Buckingham.

Memoirnya dengan jelas menceritakan pengalamannya yang mengerikan dan mencerminkan semangatnya yang waja. Majlis itu juga memberi tumpuan kepada penyelidikan kontemporari Prof Elsa Lafaye de Micheaux (Inalco, Paris).

Beliau menjemput Dr Jean-Charles Khalifa, bekas pensyarah senior bahasa Inggeris dan linguistik di *University of Poitiers*, Perancis

dan Madame H el ene Poitevin (Koleksi Asia Kampus Condorcet, Perancis) untuk bekerjasama dalam menyampaikan pelbagai aspek Sybil Kathigasu dan memoirnya.

Bersama-sama, mereka memberikan pandangan dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Perancis.

Dalam segmen akhir, para penceramah memberi penghormatan kepada keberanian Sybil sepanjang hidupnya, serta mengakui keberanian anak perempuannya, Dawn Kathigasu.

Mereka membincangkan penerbitan buku Sybil dan perjalanan editorialnya, meneroka evolusinya melalui masa, kenangan dan bahasa. Diplomat Malaysia Priscilla Ann



Yap mengatakan kesan abadi Sybil di Malaysia hari ini, antara lain ialah proses beatifikasinya.

Dalam buku “*Agent of Change – Essays on the life and times*” oleh Uskup Agung Emeritus Tan Sri Murphy, sebuah bab didedikasikan untuk Sybil, bertajuk “Mencari Santa untuk Malaysia.”

Manakala pada Julai 1, 2024, Kardinal Sebastian Fransis, Uskup Keuskupan Pulau Pinang, secara rasminya melancarkan proses beatifikasi Sybil Kathigasu.

Kardinal Sebastian juga bakal melancarkan buku terjemahan

Bahasa Melayu buku, bertajuk Kenangan Luka dan ditulis oleh Fahmi Mustafa, “Kenangan Luka” pada Julai 29, di dewan paroki Gereja St Michael di Ipoh, Perak.

Tempat pelancaran itu dipilih sebagai penghormatan kepada Sybil Kathigasu yang berdedikasi merawat untuk orang sakit di bandar Papan, Perak, sebuah tempat yang berhampiran dengan paroki St Michael. Sybil meninggal dunia pada Jun 12, 1948, di Scotland. Jenazahnya digali semula dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Katolik di sebelah Gereja St Michael.



## Doa untuk Sri Paus, Uskup Agung KL ungkap terima kasih kepada NGO Islam

KUALA LUMPUR: Pada Mac 26 lalu, Uskup Agung Kuala Lumpur bertemu dengan wakil-wakil Majlis Perundingan Malaysia untuk Organisasi Islam (MAPIM), menyatakan rasa terima kasihnya atas doa dan harapan mereka untuk kesembuhan Sri Paus Fransiskus.

Pertemuan itu berlangsung di kediaman Uskup Agung Julian Leow Beng Kim di Bukit Nanas. “Kami menghargai doa anda untuk Bapa Suci Fransiskus, kita perlu berdoa lebih banyak untuk keamanan, kerana keganasan bukan penyelesaian.”

“Kita menyetujui politik dan menyokong kehidupan, kita berikan tumpuan kepada apa yang biasa dan apa yang menyatukan kami,” kata Uskup Agung Julian. Mapim sebelum ini menghantar surat yang menawarkan doa untuk kesembuhan Sri Paus selepas prelatus itu dimasukkan ke hospital pada Februari 14 lalu dan mengucapkan terima kasih kepada Sri Paus atas sokongannya terhadap rakyat Palestin.

Semasa pertemuan itu, Uskup Agung Julian juga menyampaikan

kepada tetamunya, buku “Dokumen Tentang Persaudaraan Manusia Untuk Keamanan Dunia dan Hidup Bersama”, yang juga dikenali sebagai Deklarasi Abu Dhabi. Dokumen itu, yang ditandatangani pada tahun 2019 oleh Sri Paus Fransiskus dan Sheikh Ahmed El-Tayeb, Imam Besar Al-Azhar, menggalakkan keharmonian dan kerjasama antara agama.

Kedua-dua pihak mengakui kepentingan perpaduan, terutamanya pada masa yang mencabar ini, memperkasa komitmen mereka untuk saling menghormati dan bekerjasama.

Ahmad Awang, Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia, menekankan bahawa perselisihan yang berterusan di Timur Tengah tidak berpunca akibat perbezaan agama tetapi disebabkan faktor politik dan lain-lain.

Uskup Agung Julian dan wakil-wakil Mapim juga menekankan perlunya kedua-dua penganut Kristian dan Islam, agar bekerjasama dalam mempromosikan keamanan dan keharmonian, sama ada di Malaysia mahupun di seluruh dunia.



KOTA KINABALU: Perhimpunan Pastoral Wilayah Sabah akan diadakan pada Mei 11-13 di Katedral *Sacred Heart*, Kota Kinabalu. Dijangkakan seramai 500 perwakilan dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Keuskupan Keningau dan Keuskupan Sandakan akan berhimpun dan berdialog bersama dalam menangani keprihatinan pastoral yang dikongsi bersama.

### Sejarah singkat kedatangan Khabar Gembira di Sabah

Menurut dokumentasi awal, percubaan misionari pertama untuk memasuki Borneo adalah pada abad ke-7 oleh misionari Nestorian. Walaupun terdapat banyak percubaan

## Perhimpunan pastoral wilayah Sabah, Mei ini

misionari untuk injil di Pulau Borneo, namun hanya pada abad ke-18, Don Carlos Cuarteron dan melalui kedatangan misionari Mill Hill, agama Kristian mula bertapak di Sabah.

Bermula dengan penubuhan prefektor Apostolik pada September 4, 1885, menjadi Vikariat Apostolik Jesselton pada Februari 14, 1952 akhirnya menjadi Keuskupan Kota Kinabalu pada Julai 25, 1976.

Keuskupan Kota Kinabalu kemudiannya berpecah menjadi dua bahagian iaitu Keuskupan Keningau, pada Februari 2, 1993 dan Julai 16, 2007 sebuah lagi wilayah dijadikan keuskupan iaitu Keuskupan Sandakan.

Keuskupan Kota Kinabalu kemudiannya dinaik taraf menjadi Keuskupan Metropolitan oleh Sri Paus Benediktus XVI pada Mei 23, 2008.

### Empat Keprihatinan Pastoral

Peranan para perwakilan dalam PPWS adalah penting untuk membawa perspektif, pengalaman dalam empat bidang keprihatinan pastoral: Keluarga, Gereja, Ekologi dan Masyarakat.

Penyertaan para perwakilan ke PPWS pada bulan Mei ini sangat berharga untuk persiapan menghadiri sebuah lagi perhimpunan besar iaitu Konvensi Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026).



## Misi penginjilan utama Gereja pada zaman moden

KENINGAU: Katedral St. Francis Xavier, Keningau telah melaksanakan Program Perhimpunan Pastoral Malaysian 2026 (MPC2026) di Dataran Solidariti, Keuskupan Keningau pada Mac 22 lalu.

Seramai 1,680 peserta menyertai perhimpunan yang memfokuskan kepada dokumen *Evangelii Gaudium*/EG (Sukacita Injil).

Perhimpunan ini bertujuan untuk memperdalam pemahaman tentang dokumen EG dan kaitannya dengan misi pastoral Gereja.

Program bermula dengan pengenalan EG yang disampaikan oleh Dr Jerome Jolly. Beliau menerangkan bahawa EG ialah surat ekshortasi apostolik Sri Paus Fransiskus tentang pewartaan Injil dalam dunia masa kini.

Uskup Cornelius Piong kemudiannya menyampaikan pesan-pesan penting yang terkandung dalam dokumen EG tersebut.

Kemudian, Msgr Gilbert Lasius membentangkan cadangan pastoral berdasarkan Perhimpunan Umat Katolik (Pukat-12) serta

memberikan panduan bagaimana EG dapat diterapkan dalam rangka kerja pastoral keuskupan.

Program diakhiri dengan Misa Kudus penutup. Msgr Gilbert Lasius dalam homilinya menekankan tiga aspek penting dalam kepemimpinan Gereja iaitu menekankan dalam kepemimpinan sebagai panggilan dan misi Tuhan; menekankan kepentingan kerendahan hati serta menggalakkan pemikiran positif dan bersikap keterbukaan dalam pelayanan. **Melty Paulus**